

Zurich Malaysia Memperbaharui Erti Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna dalam Setiap Perubahan Kehidupan

Kuala Lumpur, 2 September 2026 – Zurich Malaysia hari ini memperkenalkan fasa baharu kempen “Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna”, menerusi ekspresi kreatif terkini, [“Bersedia Untuk Setiap Perubahan”](#), sekali gus mengukuhkan komitmennya untuk terus bersama rakyat Malaysia seiring dengan perubahan dalam kehidupan, keperluan dan keutamaan mereka.

Pertama kali diperkenalkan pada tahun 2023, Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna lahir daripada keyakinan bahawa keprihatinan sebenar melangkaui sekadar perlindungan. Ia bermakna sentiasa ada untuk insan tersayang, detik dan pencapaian yang paling bermakna dalam kehidupan. Tiga tahun kemudian, kempen ini berkembang bagi mencerminkan perubahan keutamaan dalam setiap fasa kehidupan, daripada memikul tanggungjawab baharu dan meraikan pencapaian penting, hinggalah menghadapi cabaran yang tidak dijangka serta mengharungi saat-saat yang penuh dengan ketidakpastian.

Kempen ini mengetengahkan sebuah filem baharu yang mengisahkan perjalanan kehidupan sepasang suami isteri. Dipersembahkan dalam susunan kronologi terbalik, bermula pada usia senja mereka dan kembali kepada detik pertemuan pertama yang tidak disangka-sangka, filem ini meraikan insan-insan yang kekal berada di sisi kita melalui setiap perubahan dalam kehidupan. Kisah ini mencerminkan komitmen Zurich Malaysia untuk menjadi rakan yang dipercayai dan sentiasa bersama pelanggan, seiring dengan perubahan keperluan mereka.

Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara Zurich Malaysia, berkata, “Sepanjang tiga tahun lalu, kami terus berkembang seiring dengan masyarakat dan komuniti yang kami lindungi. Apabila keperluan mereka berubah, cara kami membantu mereka juga perlu berubah menerusi perlindungan yang lebih kukuh, pengalaman yang lebih baik serta pelan perlindungan yang memenuhi keperluan pada setiap peringkat kehidupan. Namun, satu perkara yang kekal sama adalah komitmen kami untuk terus mengutamakan perkara yang bermakna dalam kehidupan pelanggan. Inilah makna di sebalik ungkapan, [“Bersedia Untuk Setiap Perubahan.”](#)”

Kempen ini dilancarkan di GSC Mid Valley, yang turut mengetengahkan pencapaian Zurich Malaysia serta pelbagai inisiatif yang dilakukan untuk terus memperluaskan bantuan kepada rakyat Malaysia dalam aspek kesihatan, perjalanan, mobiliti, pemilikan rumah, keluarga, perniagaan dan kesejahteraan kewangan. Komitmen ini turut dizahirkan menerusi usaha berterusan Zurich Malaysia untuk mengukuhkan penawaran kepada pelanggan, keupayaan dan kerjasama strategik, di samping pelbagai inisiatif yang melangkaui penyediaan perlindungan insurans dan takaful bagi mewujudkan impak positif kepada masyarakat. Antaranya adalah Program Daya Tahan Iklim Bandar (Urban Climate Resilience Program, UCRP), yang ditaja oleh Z Zurich Foundation dan bertujuan memperkukuh daya tahan komuniti bandar terhadap perubahan iklim.

Kepakaran Perjalanan Global, Kini Lebih Dekat dengan Anda

Susulan pengambilalihan perniagaan insurans dan bantuan perjalanan peribadi global AIG, termasuk Travel Guard oleh Zurich Insurance Group, Zurich Malaysia kini memperkukuh penawaran perlindungan perjalanannya dengan menggabungkan kekuatan kewangan, kepakaran dalam pengunderaitan, keupayaan pengurusan risiko, ekosistem rakan kerjasama dan platform digital Zurich bersama kepakaran bantuan perjalanan Travel Guard yang telah lama diyakini.

Di Malaysia, kekuatan dan kepakaran ini akan disepadukan ke dalam penawaran perlindungan perjalanan sedia ada Zurich dan bukannya beroperasi sebagai entiti berasingan. Menerusi

[Travel Guard Pro](#), pelan insurans perjalanan baharu yang dilancarkan pada 18 Ogos 2026, pelanggan kini boleh menikmati perlindungan perjalanan yang dipertingkatkan, merangkumi perlindungan yang komprehensif, proses tuntutan yang pantas dan telus serta bantuan yang lancar sepanjang perjalanan mereka. Pelanggan juga mendapat manfaat daripada bantuan perjalanan 24 jam yang disokong oleh rangkaian perkhidmatan global, dengan bantuan tersedia lebih daripada 40 bahasa.

Pencegahan Sebagai Teras Penjagaan Penyakit Kritikal

Zurich Malaysia turut memperkukuh pendekatannya terhadap perlindungan penyakit kritikal menerusi [kempen](#) baharu yang berlangsung dari **2 September hingga 30 Oktober 2026**.

Kempen ini menggabungkan perlindungan kewangan dan bantuan penjagaan kesihatan, serta menawarkan pelanggan baharu yang layak dengan:

- Rebat tunai bagi saringan kesihatan
- Dua tahun perkhidmatan Teladoc, termasuk:
 - Pendapat perubatan daripada pakar
 - Bantuan pengurusan tekanan

Dengan menggabungkan perlindungan, penjagaan pencegahan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan profesional, Zurich Malaysia berhasrat untuk membantu pelanggan bukan sahaja apabila ditimpa penyakit, malah turut membantu mereka mengambil langkah proaktif ke arah kesejahteraan jangka panjang yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, perkembangan ini mencerminkan komitmen berterusan Zurich Malaysia untuk kekal relevan terhadap keperluan pelanggan yang sentiasa berubah, serta terus memperkukuh bukan sahaja perlindungan yang ditawarkan, tetapi juga bantuan untuk kesejahteraan mereka.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kempen #LindungiSegalaPerkaraYangBermakna dan pendekatan Zurich Malaysia dalam terus mendampingi pelanggan melalui setiap fasa kehidupan, sila layari www.zurich.com.my/CareForWhatMatters.

Untuk maklumat lanjut mengenai pelan insurans dan takaful terkini Zurich Malaysia, sila layari www.zurich.com.my

###

Manfaat yang dibayar di bawah produk ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had tertentu. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM di laman web Zurich Malaysia atau laman web PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga aset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.